

01 SEP 1998

Mahathir-Ekonomi

RINGGIT AKAN DIIKAT PADA KADAR TETAP

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Bank Negara akan mengikat nilai ringgit pada kadar tetap "tidak lama lagi" tetapi buat masa ini kadar itu akan ditentukan oleh kuasa pasaran.

Perkara itu, bersama-sama dengan langkah-langkah pengawalan modal yang diumumkan oleh Bank Negara untuk menghalang spekulasi ke atas ringgit, bertujuan untuk mempertahankan matawang daripada serangan spekulator.

Pelabur langsung asing yang mahu menubuhkan kilang pengeluaran akan digalakkan datang ke sini kerana dengan kadar tukaran asing tetap, mereka akan mempunyai peluang yang amat baik untuk membuat keuntungan dengan kos yang minimum.

Beliau berkata demikian pada temuramah khas mengenai ekonomi negara yang disiarkan secara langsung oleh RTM hari ini. Beliau ditemuramah oleh panel yang dianggotai oleh Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press Datuk A. Kadir Jasin, Pemangku Pengarang Eksekutif Perkhidmatan Berita Ekonomi Bernama Yong Soo Heong dan Pengarah Bahagian Ekonomi Public Bank Berhad Nasaruddin Arshad.

Beliau berkata dengan kadar tetap, orang ramai akan tahu nilai sebenar ringgit dan "apabila kita dapat menguasai semula kadar tukaran kita, kita boleh mengurangkan kadar faedah kita dan tidak ada orang lain yang menguasai kadar faedah kita."

Ringgit tidak lagi akan sah diperlakukan atau mempunyai nilai di luar negara, katanya.

"Bagaimanapun, oleh kerana kita tahu terdapat ringgit di luar Malaysia, kita akan membenarkan ringgit berkenaan dibawa pulang dalam tempoh satu bulan dari hari ini," katanya.

Beliau juga berkata ringgit yang ditetapkan mungkin mempengaruhi kos urusan, tetapi dengan kadar tetap lindung nilai tidak diperlukan sementara kos urusan tidak bergantung kepada penyusutan nilai atau penilaian semula jika ia dibayar pada tarikh akan datang.

Ia juga membolehkan kadar faedah diturunkan, katanya. Ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah "kejutan" yang pernah disebut sebelum ini.

Sambil berkata usaha spekulator mengancam untuk memiskinkan negara, beliau menambah bahawa lebih banyak langkah akan diumumkan seperti meminda undang-undang yang berkaitan dengan pasaran saham.

Dr Mahathir berkata pengawalan modal juga membolehkan pihak berkuasa mengurangkan kadar faedah, yang kemudiannya menjadikan hutang lebih murah dan menjana lebih banyak kegiatan perniagaan.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia akan terus menggalakkan pelabur-pelabur jangka panjang tulen sementara yang telahpun berada di negara ini boleh terus membawa pulang keuntungan mereka.

Sebaliknya, spekulator pasaran saham yang memusnahkan syarikat akan dihalang daripada melupuskan aset kerana ia bukan sesuatu yang diinginkan oleh Malaysia, kata beliau.

Pelabur tempatan dan luar yang membeli saham akan terpaksa memegang saham mereka selama setahun (di dalam Sistem Depositori Pusat (CDS) dan selepas itu boleh membawa pulang perolehannya).

Langkah-langkah untuk mengawal tukaran asing yang diumumkan oleh Bank Negara akan diteruskan sehingga Malaysia pasti terdapat perubahan besar dan asas dalam sistem kewangan antarabangsa, katanya.

Beliau berkata langkah-langkah ini boleh disifatkan sebagai pilihan terakhir dan boleh dikekalkan.

"Apa yang telah dibuat adalah untuk membekukan ringgit dalam akaun-akaun luar negara, ringgit tidak lagi sah diperlakukan di luar negara tetapi hanya sah diperlakukan di dalam negara.

"Apa yang jelas adalah orang ramai tidak boleh lagi berada dengan sistem pasaran bebas," katanya sebagai merujuk kepada kawalan modal yang sedang dilaksanakan di Hong Kong dan Chile.

Beliau juga berkata orang asing boleh menggunakan kad kredit di sini dan tiada had dikenakan kepada perbelanjaan kecuali apa sahaja jumlah yang dibolehkan oleh kad berkenaan.

Bagaimanapun rakyat Malaysia hanya boleh membelanjakan RM10,000 di luar negara jika mereka menggunakan kad kredit, katanya.

Langkah-langkah yang diumumkan hari ini adalah keputusan yang dibuat oleh kerajaan dan bukan bank pusat, kata beliau apabila ditanya sama ada langkah-langkah itu tidak mengulangi kesilapan lepas Bank Negara apabila mereka mengikuti "preskripsi" Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Beliau berkata IMF amat lembap dalam memberi reaksi kepada keperluan negara-negara yang diserang oleh spekulator matawang.

-- BERNAMA

TEAM MR OS NMO